

KHUTBAH JUMAAT: KE ARAH BANDARAYA YANG SELAMAT DAN SEJAHTERA

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meningkatkan lagi ketaqwaan kita kehadiran Allah S.W.T. dengan sebenar-benar taqwa. Semoga kita akan sentiasa dilimpahi rahmat dan berkat dariNya agar umat Islam dapat terus membangun dan membina tamadun yang cemerlang pada masa kini dan akan datang. Apabila kita mengenang hakikat ini, maka kita akan menginsafi segala tuntutan ke atas diri dan masyarakat, supaya terus beristiqomah dalam melaksanakan segala kewajipan dan menunaikan segala agenda tanggungjawab sosial untuk terus menambat keredhaan ilahi.

Mimbar jumaat pada hari ini akan membawa kita merenung jauh sambil melihat dan berfikir bahawa setiap daripada kita yang hidup pada abad ke-21 ini pastinya merasa bangga, kerana zaman yang sedang kita lalui kini sedang membangun dan menuju ke suatu tahap kecemerlangan dalam segenap bidang, terutamanya dalam bidang ekonomi, pendidikan dan teknologi. Kemajuan dan pembangunan yang pesat ini bukan sahaja berlaku di luar negara bahkan ianya juga berlaku dalam negara dan negeri kita ketika ini.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Proses perbandaran atau pembangunan sesebuah bandaraya merupakan antara proses penting dalam membantu pembangunan sesebuah negeri maju. Perlaksanaan proses perbandaran ini akan mewujudkan sebuah bandar yang terancang dari pelbagai aspek. Konsep pembangunan mampan perlu diterapkan dalam proses perancangan sesebuah kawasan bandar agar ianya nanti akan menjadi bandaraya yang selamat dan sejahtera. Pembangunan mampan perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan asas manusia, keadilan sosial, kesedaran terhadap persekitaran,

penurunan indeks jenayah serta mengurangkan bencana kerosakan kepada alam sekitar.

Perhatian juga harus diberikan dalam memastikan infrastruktur yang lengkap dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan perlu mengambil kira dari segi kepentingan struktur binaan dan rekabentuknya bagi manfaat dan kemudahan yang mesra orang kurang upaya dan warga emas.

Secara umumnya, proses perbandaran boleh didefinisikan sebagai satu proses pertumbuhan pelbagai aspek seperti peningkatan kualiti taraf hidup penduduk, ekonomi, infrastruktur, kemudahan sosial dan budaya, keselamatan, serta pendidikan dan pembangunan umat Islam setempat khususnya. Ini kerana pembangunan sesebuah bandaraya amat berkait rapat dengan aktiviti ruang yang boleh menentukan dan mengukur kualiti hidup manusia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pembangunan fizikal atau infrastruktur sesebuah bandaraya harus mengambil kira akan kesan terhadap perkembangan dan perubahan sosio-budaya masyarakat setempat. Proses perbandaran haruslah dijalankan berdasarkan konsep serta model yang telah diketengahkan dan dibangunkan oleh para ilmunan Islam seperti Ibnu Khaldun dan al-Farabi, supaya acuan yang digunakan tidak bersumberkan pengaruh serta unsur budaya masyarakat Barat yang jelas telah mengalami keruntuhan struktur masyarakatnya akibat proses urbanisasi yang tidak terkawal, yang tidak mengambil kira serta meninggalkan aspek pembangunan modal insan yang bersepadu. Ke arah itu, bagi melahirkan masyarakat madani, kita perlu bermula dengan membentuk keperibadian insan-insan rabbani iaitu cemerlang dalam empat dimensi seperti rohani, jasmani, aqli dan emosi. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Qasas, ayat 77:

Untuk itu, harus dipastikan agar tiada anggota masyarakat Islam yang dibiarkan terpinggir atau tercicir dari arus pembangunan serta kemakmuran

yang dinikmati, sebaliknya umat Islam seharusnya menjadi tonggak utama kekuatan ekonomi. Melalui pembangunan keilmuan dalam bidang pendidikan, muamalat, sains dan teknologi yang berdaya maju dan berdaya saing, adalah diharapkan supaya umat Islam di negeri ini akan terus maju untuk menjadi peneraju dan pelopor dalam segenap bidang. Kita hendaklah mempergiatkan usaha untuk memupuk minat membaca di kalangan masyarakat bagi memastikan konsep perbandaran Islam dapat dilaksanakan berteraskan ilmu pengetahuan sebagai rujukan utama. Allah S.W.T. telah berfirman melalui ayat ke 11, surah al-Mujadalah:

Dengan ini, fenomena gejala sosial yang sering meruntun serta menggugat kestabilan dan kesejahteraan masyarakat akan dapat dibanteras, ianya akan berlaku apabila ahli masyarakat dapat menjalani kehidupan yang bukan sahaja bertunjangan ilmu pengetahuan yang tinggi, malah mendalam dari segi penghayatan terhadap agamanya.

Kita juga perlu memberikan perhatian terhadap pengisian dalam pembangunan komuniti yang bermula dari penempatan semula masyarakat dari kawasan setingan ke kawasan penempatan baru bagi mengurangkan masalah gejala sosial. Untuk itu, kita semua harus bersedia dan berusaha untuk menjadikan bandaraya kita ini sebagai bandar jenayah sifar. Selain menolak serta membenci perbuatan atau amalan yang berbentuk maksiat, bertentangan dengan aqidah Islamiyyah serta nilai-nilai murni masyarakat Timur.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Perpaduan dan persaudaraan adalah teras bagi pembentukan dan perkembangan masyarakat yang maju dan bertamadun. Atas dasar kepentingan inilah Rasulullah S.A.W. bersabda:

Umat Islam boleh dan akan terus membangun sekiranya mereka bersatu dan tidak berpecah belah. Proses untuk memantapkan perpaduan perlu bermula dari institusi yang lebih kecil seperti institusi keluarga seterusnya di peringkat

komuniti dalam sesebuah masyarakat. Kita bukan sekadar mahu melahirkan golongan cerdik pandai serta mereka yang mahir dalam bidang kepakaran masing-masing, tetapi dapat memahami serta menyeimbangkan antara cabaran dunia masa kini dengan prinsip-prinsip asas kehidupan yang menjadi sebahagian dari tuntutan kehidupan masyarakat hadhari.

Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah merangka satu konsep pembangunan syumul dan holistik yang bukan sahaja perlu diwarisi, tetapi dijadikan sebagai asas dan garis panduan yang utama. Baginda telah berjaya untuk menyeimbangkan kemajuan fizikal dan spiritual dalam sebuah negara Islam yang masyarakatnya berbilang kaum dan agama melalui penggubalan Piagam Madinah yang intipatinya adalah ruh dari al-Quran.

Natijah daripada itu, telah terpancar nilai-nilai individu yang bertanggungjawab, adil, berdisiplin, unggul secara intelek dan pemikiran, kaya dalam amalan serta anggun dalam moral dan kebajikan. Inilah konsep pembangunan Islam yang digariskan oleh al-Quran.